



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR

# LAPORAN TAHUNAN 2024

*Jabatan  
Alam Sekitar*

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**



**NET  
ZERO**





KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR

# LAPORAN TAHUNAN 2024

*Jabatan  
Alam Sekitar*

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

# ISI KANDUNGAN

## BAB 1

### PENTADBIRAN & KEWANGAN

STRUKTUR ORGANISASI	2
STRUKTUR PERJAWATAN	2
LATIHAN DAN KURSUS	5
PENGURUSAN KEWANGAN	5
PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	6

## BAB 2

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN

PENILAIAN INPUT PEMBANGUNAN	10
PENILAIAN LAPORAN EIA	11
PEMBERITAHUAN BERTULIS DAN PERISYTIHARAN BERTULIS	12
SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	13
PENGUATKUASAAN PROJEK-PROJEK EIA	14
PENYELARASAN DATA DAN PELAN STRATEGIK	17

## BAHAGIAN OPERASI

PENGUATKUASAAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)	22
PENGUATKUASAAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN	28
PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN BUANGAN TERJADUAL (PYDT BT)	29
PENGUATKUASAAN PUNCA-PUNCA BERGERAK	31
ADUAN PENCEMARAN	39
RONDAAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA	41
PROGRAM KOMUNITI LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA	41
PENDAKWAAN	42

## PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH	50
PENGAWASAN KUALITI UDARA	54
PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI	56
PROGRAM PENGAWASAN	58
PROMOSI KESEDARAN DAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR	59

### BAB 3

### BAB 4

# PRAKATA



**PUAN HAJAH ZURAINI BINTI AHMAD TAJUDIN**

**Pengarah**

Jabatan Alam Sekitar

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



## JABATAN BERTEKAD UNTUK TERUS MEMPERBAIKI PERKHIDMATAN DAN MEMPERKUKUH KERJASAMA DALAM USAHA MENCAPAI PEMBANGUNAN MAMPAN YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA PIHAK.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Segala puji kepada Allah SWT, syukur alhamdulillah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2024 JAS WPKL. Laporan tahunan ini disediakan untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai pencapaian, isu serta cabaran yang dihadapi JAS WPKL dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sepanjang tahun 2024, JAS WPKL telah menjalankan program penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran yang telah dirancang. Selain itu, pelbagai program dan aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan kelestarian alam sekitar turut dipergiatkan. JAS WPKL sentiasa komited untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti setempat bagi memastikan pembangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaksanakan secara terkawal dan menitikberatkan kelestarian alam sekitar.

JAS WPKL juga telah menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan tugas. Namun dengan semangat kerjasama yang tinggi, Jabatan berjaya menghadapinya dengan penuh dedikasi dan komitmen. Jabatan bertekad untuk terus memperbaiki perkhidmatan

dan memperkukuh kerjasama dalam usaha mencapai pembangunan mampan yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Selain itu, kerjasama yang baik di antara JAS WPKL dengan agensi-agensis sahabat seperti Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendidikan Negeri WPKL dan lain-lain agensi dapat memastikan alam sekitar di Kuala Lumpur terpelihara dan terpulihara bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang hijau dan lestari.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga kerja JAS WPKL atas kejayaan melaksanakan program-program penguatkuasaan, pendakwaan, input pembangunan dan *Environmental Impact Assessment* (EIA), kesedaran dan pendidikan serta pengawasan kualiti alam sekitar dan seterusnya diterjemahkan di dalam penerbitan laporan tahunan bagi perkongsian kepada umum. Semoga laporan tahunan ini memberi manfaat dan maklumat yang berguna kepada semua pihak dalam usaha kita untuk terus memelihara dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi pada masa akan datang.





# KEKUATAN & BEBAN 2024

JABATAN ALAM SEKITAR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



**50** (TEKNIKAL)  
**PEGAWAI 16** (PENTADBIRAN)



**KENDERAAN 12**

**KELUASAN 243 KM<sup>2</sup>**

**PENDUDUK WPKL 2,067.5** Juta orang

- Sime Darby Melawati Development - KL East
- Projek Pembangunan UPNM (JKR)
- Lebuhraya SUKE
- Stesen Pemindahan Sisa Pepejal (KLTS)
- Bandar Malaysia
- Malola
- Amona Development
- Bukit Kiara - Jabatan Lanskap Negara
- STP Lake City KL North
- STP KLR 331
- Loji Rawatan Serantau Batu



**PROJEK EIA**

**11**

**PUNCA PENCEMARAN**

**2,480**

**LEMBANGAN SUNGAI**

**1** • Sg. Klang



**6.58** Juta



**UDARA**

- 3** STATION AUTOMATIK
- Batu Muda;
  - Cheras; dan
  - Putrajaya.

**KESEDARAN DAN PENDIDIKAN**

**SG. KLANG**


- 1**
- Manual River Water Quality Monitoring Station (27).

**PENGAWASAN**



**AIR TANAH**

- 7**
- Taman Beringin Kepong (2);
  - Jalan Sungai Besi (3);
  - Royal Selangor Golf House (1); dan
  - Taman Wetland Putrajaya (1).



- Sekolah Rendah - 190
- Sekolah Menengah - 102



- IPTA**
- Universiti - 4
  - Politeknik - 1
  - Kolej /Institusi - 11

- IPTS**
- Universiti - 8
  - Kolej Universiti - 9

**BIL. KOMPAUN: 320**  
**HASIL: RM 182,730.00**



JABATAN ALAM SEKITAR [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)



eaduan.doe.gov.my  
Hotline : 1-800-88-27-27  
HP/WHATSAPP : 012-5543501



# PENCAPAIAN 2024

JABATAN ALAM SEKITAR  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### PENILAIAN EIA, INPUT PEMBANGUNAN, NOTIFIKASI & GEOSPATIAL



- 11 Laporan EIA dalam piagam ;
- 109 Penilaian Input Pembangunan;
- 117 Pemberitahuan Bertulis di bawah PUB 2014;
- 65 Perisytiharan Bertulis di bawah PUB 2014;
- 3 permohonan Penstoran BT di bawah Peraturan 9, PPKAS(BT) 2005;
- 50 kali penggunaan drone;
- 2 pemetaan; dan
- 2 siri latihan dron.



### POST EIA

- 121 penguatkuasaan terhadap kesemua projek EIA; dan
- 14 Notis Arahan.

### KESEDARAN

- Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)(21 Okt), 18 program (53 aktiviti);
- Hari Alam Sekitar Sedunia (WED)(5 Jun), 6 program (21 aktiviti);
- Hari Bumi(22 April), 10 program (15 aktiviti);
- Hari Ozon Sedunia(16 Sept), 13 program (18 aktiviti);
- Program pengumpulan BEE/ e-waste, 22 program;
- Aktiviti Kesedaran Mencegah Pencemaran air, udara & BT selain program utama, 15 program;
- Penyertaan sekolah dalam Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS), 15 program;
- Pameran Alam Sekitar, 22 pameran;
- Kerjasama dengan Rakan Strategik (RS), 24 RS;
- Muatnaik bahan/maklumat dalam EKMC, 65 bahan;
- Muatnaik bahan/maklumat dalam EMUSEUM, 97 bahan;
- Ceramah Alam Sekitar, 21 ceramah;
- Pendaftaran Ahli RAS, 1040 orang;
- Program bersama Ahli RAS, 14 aktiviti;
- Hebahan melalui media massa (Elektronik dan cetak), 15 hebahan;
- Hebahan melalui media sosial (FB, Twitter, Instagram, Youtube), 100 hebahan;
- Seminar / Bengkel / Taklimat, 17 program;
- Menerbitkan video pendek berorientasi kesedaran dan penguatkuasaan alam sekitar, 3 video; dan
- Conten Virtual Reality (VR), 1 content.

### PENGAWASAN

- Bilangan Kekerapan Menggunakan Modul Pengawasan Sungai dan Marin Sistem EQMP, 297;
- Pengawasan Kualiti Air Tanah, 7 stesen;
- Pengawasan Stesen Manual Sungai, 4; dan
- Pengawasan Stesen Automatik Udara, 2.

### PENYELARASAN DATA & PELAN STRATEGIK

- Menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan, 1 naskah;
- Menyediakan Laporan Pencapaian Kerja Tahunan (KPI), 12;
- Penyediaan Program Kerja Tahunan, 12;
- Penyediaan Data & Statistik untuk Agensi, 12;
- Penyediaan Laporan Mesyuarat Jabatan Dalam/ Luaran, 10
- Sumbangan Artikel Ilmiah, 2 artikel;
- Program Book Review, 2 naskah; dan
- Penganjuran Retreat Jabatan, 1.



## BAHAGIAN OPERASI

### KENDERAAN MOTOR



- Operasi Catat, 221 Operasi dan 20407 Pemerhatian;
- Operasi Fleet Operator, Diesel 25 Pemeriksaan & Petrol 9 Pemeriksaan;
- Kawalan pelepasan daripada enjin diesel (Peraturan 16), 12 Pemeriksaan;
- Pengurusan Refrigeran, 10 pemeriksaan;
- OPS STATIK : Diesel, 19 Operasi & 1094 pemeriksaan visual, Petrol, 20 Operasi & 126 pemeriksaan visual, Bunyi Bising, 67 Operasi & 2155 pemeriksaan visual & Gas COHC, 7 Operasi & 36 Pemeriksaan visual;
- Persampelan Kawalan Kandungan Petrol & Diesel 2007 & Pindaan (2013), 30 Persampelan;
- Ujian Saksi di PUSPAKOM, 99 Ujian;
- Pemeriksaan KYDL/PUSPAKOM, 10 pemeriksaan;
- Notis Arahan Sek 31(1) & 48A, 440 telah dikeluarkan; dan
- Kompaun, 274 telah dikeluarkan.

### PYDT & LOJI KUMBAHAN



- 204 Bilangan pemeriksaan;
- 12 Notis Arahan;
- 39 persampelan rasmi;
- 4 kompaun & 5 IP; dan
- 91 proses permohonan(Per. 15(K)2009, Per.23 (EP)2009, Lesen (PYDT) & TWG.

### PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN



- 688 bilangan penguatkuasaan;
- 81 kompaun dikeluarkan;
- 149 Notis Arahan dikeluarkan;
- 51 kertas siasatan disediakan;
- 9 persampelan dilakukan;
- 105 proses Pemberitahuan dan Perisytiharan Bertulis; dan
- 10 siri Ops Gempur.

### UNIT PENDAKWAAN



- 289 kertas siasatan izin kompaun;
- 5 kertas pertuduhan izin dakwa mahkamah;
- Pertuduhan mahkamah dibawah Seksyen 25, AKAS 1974 (1), Seksyen 23(1), AKAS 1974 (7) & Seksyen 34A(7), AKAS 1974 (1). PPKAS(Kumbahan) 2009 (1), PPKAS(EP) 2009(8) & PPKAS (UB) 2014 (2); dan
- Jumlah kutipan kompaun & denda mahkamah sebanyak RM 361,500.00.

### UNIT ADUAN



- 711 aduan yang diterima; dan
- 152 rondaan daratan.







# PENTADBIRAN & KEWANGAN



## STRUKTUR ORGANISASI

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) diterajui oleh seorang Pengarah Gred C54 dan dibantu oleh satu (1) orang Timbalan Pengarah Gred C52, satu (1) orang Ketua Penolong Pengarah C48, tiga (3) orang Pegawai Kawalan Kanan Gred C44 dan lima (5) orang Pegawai Kawalan Gred C41/C44 serta lima puluh enam (56) orang anggota kumpulan pelaksana.


JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 33 dari Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (kini dikenali Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam-NRES) di mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah sebanyak 76 perjawatan. Struktur Organisasi JAS WPKL adalah terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan. Carta Organisasi adalah seperti di **Rajah 1.1**.

## STRUKTUR PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2024, pengisian perjawatan JAS WPKL adalah sebanyak 67 daripada 76 perjawatan dengan sembilan (9) kekosongan yang belum diisi. Pecahan perjawatan dan pengisian terdiri daripada 59 orang dari Kumpulan Teknikal dengan pengisian 52 pegawai dan 17 perjawatan dari Kumpulan Gunasama dengan pengisian sebanyak 15 perjawatan. Pecahan pegawai mengikut jantina pula adalah sebanyak 43 pegawai lelaki dan 24 pegawai perempuan. Senarai Perjawatan adalah seperti di **Jadual 1.1**.



Rajah 1.1: Carta Organisasi




Jadual 1.1: Struktur Perjawatan JAS WPKL, Tahun 2024

BIL.	JAWATAN	JUMLAH	PENGISIAN	KOSONG
1.	Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54	1	1	0
2.	Timbalan Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52	1	1	0
3.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48	1	1	0
4.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	3	3	0
5.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44	6	5	1
6.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C38	2	2	0
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C32	11	11	0
8.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C29/C32	15	11	4
9.	Penolong Jurutera Gred JA29 KUP JAS/Kader JKR	2	2	0
10.	Penolong Jurutera Gred JA29	16	14	2
11.	Juruteknik Gred J22	1	1	0
12.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	1	1	0
13.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29	1	1	0
14.	Penolong Akauntan Gred W29	2	2	0
15.	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19	1	1	0
16.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22	4	3	1
17.	Pembantu Operasi Gred N11	1	1	0
18.	Pemandu Gred H11	7	6	1
<b>JUMLAH</b>		<b>76</b>	<b>67</b>	<b>9</b>

Jadual 1.2: Pecahan Pegawai JAS WPKL Mengikut Jantina

 LELAKI	 PEREMPUAN
41	26

Jadual 1.3: Pecahan Pegawai Mengikut Perjawatan

 PEGAWAI TEKNIKAL	 PEGAWAI BUKAN TEKNIKAL
59	17





## Terimaan Hasil

Kutipan hasil yang diterima bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM261,851.20 dengan pecahan terimaan hasil 2024 adalah seperti **Jadual 1.6**.

**Jadual 1.6:** Pungutan Hasil Mengikut Aktiviti, Tahun 2024

KOD	AKTIVITI	JUMLAH KUTIPAN (RM)
BO111101	Bayaran Balik Gaji	1,350.00
BO112119	Bayaran Balik Imbuhan Tetap Lain	400.00
HO221106	Bayaran Kapal Terbang	1,445.80
HO226202	Minyak Diesel	640.00
HO176199	Bayaran Kompaun	207,230.00
H171408	Proses Lesen	2,000.00
H181101	Terimaan Balik Tahun Lepas	315.40
HO27330	Jualan Balik Aset	3,200.00
<b>JUMLAH</b>		<b>261,851.20</b>

## PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat (Information and Communication Technologies, ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berfungsi untuk menyokong dan menguruskan semua aspek berkaitan teknologi maklumat dalam Jabatan. Beberapa fungsi utama unit ini termasuk:




### Pengurusan Sistem Maklumat:

Membantu dalam pembangunan, penyelenggaraan dan sokongan sistem maklumat yang digunakan oleh Jabatan untuk pemantauan alam sekitar, pengurusan data dan pelaporan.



### Keselamatan dan Perlindungan Data:

Memastikan perlindungan data dan keselamatan sistem ICT yang digunakan, mengelakkan ancaman seperti virus, serangan siber dan kebocoran data.



### Penyediaan Infrastruktur ICT:

Menguruskan infrastruktur teknologi seperti rangkaian, perkakasan komputer dan perisian yang digunakan dalam Jabatan.



### Sokongan Pengguna:

Memberikan sokongan teknikal kepada pegawai-pegawai Jabatan dalam penggunaan sistem dan teknologi yang ada.



Unit ini berperanan penting dalam memastikan bahawa Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berfungsi dengan efisien menggunakan teknologi untuk mencapai objektif pemantauan dan pengurusan alam sekitar yang lebih baik.

### Senarai Aset ICT di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL)

Senarai aset ICT di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) merangkumi perkakasan, perisian dan sistem yang digunakan dalam operasi Jabatan seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.7**.

**Jadual 1.7:** Perkakasan, Perisian, Peralatan Rangkaian dan Sistem Atas Talian yang Digunakan dalam Operasi JAS WPKL

PERKAKASAN KOMPUTER	PERISIAN	PERALATAN RANGKAIAN	SISTEM ATAS TALIAN
Komputer meja dan laptop	Perisian keselamatan dan antivirus	Rangkaian komputer untuk komunikasi dalam Jabatan	<b>E-KAS:</b> Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar
Pelayan (servers)		Sistem komunikasi seperti email, video conference dan intranet	<b>E-SWIS:</b> Sistem Elektronik Maklumat Buangan Terjadual
Sistem storan data (storage system)			<b>MySPEIA:</b> Sistem Pemantauan Environmental Impact Assessment (EIA)
Alat rangkaian (network devices seperti router, switch dan firewall)			<b>ESDR:</b> Sistem Aplikasi <i>Environmental Spatial Data Repository</i> (ESDR) & <i>Environmental Screening</i> (Input Pembangunan)
			<b>MyPremis:</b> Data dan maklumat berkaitan punca-punca pencemaran.

### Aduan Kerosakan ICT

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 42 aduan kerosakan aset ICT telah diterima daripada pegawai di JAS WPKL dan semua aduan dapat diselesaikan di bawah tempoh masa lapan (8) jam. Perincian aduan kerosakan adalah seperti dalam **Jadual 1.8**.

**Jadual 1.8:** Aduan Kerosakan ICT

BIL.	KATEGORI ADUAN KEROSAKAN	BILANGAN ADUAN
1.	Perkakasan	16
2.	Perisian	6
3.	Sistem / Aplikasi	10
4.	Lain-lain	10
<b>JUMLAH</b>		<b>42</b>





## BAB 2

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- PENILAIAN INPUT PEMBANGUNAN
- PENILAIAN LAPORAN EIA
- PEMBERITAHUAN BERTULIS  
DAN PERISYTIHARAN BERTULIS
- SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)
- PENGUATKUASAAN PROJEK-PROJEK EIA
- PENYELARASAN DATA DAN PELAN STRATEGIK



# BAHAGIAN PEMBANGUNAN




## PENILAIAN INPUT PEMBANGUNAN

Selaras dengan kepesatan pembangunan dengan visi untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bertaraf Dunia, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memainkan peranan penting bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan. Penilaian input pembangunan merupakan salah satu proses penting sebagai penilaian awal dalam memastikan laporan pembangunan yang dirujuk kepada JAS WPKL adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan selaras dengan rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tahun 2024 telah menyaksikan penglibatan secara signifikan dan efektif Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam memberi ulasan pembangunan melalui medium Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat Khas yang dipengerusikan oleh YB. Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan Jawatankuasa Pusat Setempat 1 (OSC1) yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri TPr. Dr. Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Pada tahun 2024, sebanyak 109 permohonan input pembangunan diterima berbanding sebanyak 21 permohonan input pembangunan pada tahun 2023. Daripada 109 permohonan yang diterima, sebanyak dua (2) permohonan daripada operasi industri, sembilan puluh (90) permohonan daripada pembangunan am, enam (6) permohonan pembinaan loji pembancuh konkrit (*concrete batching plant*, CBP) sementara, sepuluh (10) projek pembangunan kerajaan dan satu (1) permohonan bagi pembinaan jalanraya. Bilangan input pembangunan yang diterima mengikut dari tahun 2021 hingga 2024 ditunjukkan seperti dalam **Rajah 2.1**.



**Rajah 2.1:** Bilangan Input Pembangunan yang Diterima dari Tahun 2021 hingga 2024




Dalam memproses permohonan penilaian input pembangunan, antara rujukan yang digunapakai adalah seperti berikut:

1. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040;
2. Deraf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040;
3. Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020;
4. *CPS City Planning System, Online Mapping*, Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020);
5. Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan tanah dan bangunan) (WPKL) 2018;
6. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015;
7. *Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM);
8. *Environmental Impact Assessment Guidelines for Development in Slope and Hill Areas, 2017*; dan
9. *EIA Guidelines for Housing, New Township and Industrial Estate Development, 2020*.

Selain itu, pelaksanaan pemeriksaan di lapangan turut dilaksanakan secara fizikal termasuk penggunaan teknologi dron untuk mengumpul data visual daripada udara bagi mengenalpasti keseluruhan kawasan pembangunan. Pemantauan melalui udara telah dilaksanakan oleh JAS WPKL untuk semua permohonan input pembangunan dengan menggunakan dron DJI MAVIC 2 PRO, DJI MAVIC 3 dan DJI MAVIC 2 PRO ENTERPRISE. Data visual daripada udara yang diperolehi akan diproses melalui aplikasi *Geographic Information System* (GIS) bagi tujuan mendapatkan gambaran yang jelas dan terperinci tapak cadangan projek seperti di **Gambarfoto 2.1** dan **Gambarfoto 2.2**.



**Gambarfoto 2.1:** Data Visual Tapak Cadangan Projek yang Diambil Menggunakan Dron



**Gambarfoto 2.2:** Data Visual Tapak Cadangan Projek yang Diproses Menggunakan Perisian GIS


## PENILAIAN LAPORAN EIA

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) merupakan satu medium perancangan pembangunan yang utama bagi mengenalpasti impak dan langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian bagi menangani isu pencemaran daripada aktiviti pembangunan yang dilaksanakan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi permohonan input pembangunan yang diklasifikasikan sebagai aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, mana-mana orang yang berhasrat untuk melaksanakan aktiviti tersebut hendaklah melantik orang yang layak untuk menjalankan penilaian kesan kepada alam sekeliling dan untuk mengemukakan laporan mengenainya kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Pada tahun 2024, JAS WPKL telah memproses 11 Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dalam tempoh piagam yang ditetapkan berbanding empat (4) Laporan EIA pada tahun 2023 (**Rajah 2.2**). Bilangan cadangan pembangunan mengikut Aktiviti Yang Ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 adalah seperti di **Jadual 2.1**;

**Jadual 2.1:** Bilangan Cadangan Pembangunan Mengikut Aktiviti yang Ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, 2024

BIL.	CADANGAN PEMBANGUNAN MENGIKUT AKTIVITI	KEPUTUSAN LAPORAN	
		LULUS	TIDAK LULUS
1	Aktiviti 14(c)(i), Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling, (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015: Pengolahan dan Pelupusan Buangan-Pembinaan loji kumbahan dengan 20,000 kesetaraan populasi atau lebih	2	1
2	Aktiviti 13, Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling, (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 : Pembangunan di kawasan cerun-Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35°	3	4
3	Aktiviti 20, Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling, (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 : Jalan-Pembinaan lebuh raya	1	0



**Rajah 2.2:** Bilangan Laporan EIA yang Diterima Mengikut Tahun

## PEMBERITAHUAN BERTULIS DAN PERISYTIHARAAN BERTULIS

Berdasarkan Peraturan 5(1), Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014 telah menetapkan supaya pemberitahuan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah 30 hari sebelum kerja-kerja pemasangan alat kawalan pencemaran udara dipasang di mana-mana premis yang digunakan bagi apa-apa maksud perindustrian atau perniagaan.

Pada tahun 2024, JAS WPKL telah menerima sebanyak 117 permohonan Pemberitahuan Bertulis Alat Pembakaran Bahan Api (APB) dan 65 permohonan Perisytiharan Bertulis Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU). Pecahan bilangan permohonan mengikut kategori premis adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.2**.



**Jadual 2.2:** Pecahan Mengikut Kategori Premis, 2024


BIL.	KATEGORI PREMIS	BILANGAN PERMOHONAN	
		APB	SKPU
1	Kediaman	46	-
2	Komersial	12	-
3	Pejabat	17	-
4	Tapak Binaan	7	-
5	Industri	35	29
6	Makmal	-	36
<b>Jumlah</b>		<b>117</b>	<b>65</b>

### SISTEM MAKLUMAT GEOSPATIAL (GIS)

Sistem Aplikasi Geospasial Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia bagi meningkatkan keupayaan memodel dan meramal sesuatu keadaan pada lokasi geografi terbabit hasil integrasi kemasukan maklumat berkaitan. Ianya juga dapat membantu pegawai khususnya di JAS WPKL bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan. Penggunaan teknologi dron turut membantu kerja-kerja geospasial terutama bagi tugas pemantauan dan pengawasan alam sekitar.

Sistem ini dapat memaparkan taburan punca pencemar alam sekitar sama ada dari premis industri atau penerima yang terkesan daripada aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Ianya telah diakses secara meluas oleh pegawai JAS dan ianya amat membantu dalam memproses permohonan input pembangunan, penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan premis, pemantauan premis dan pengawasan alam sekitar.

Pada tahun 2024, sebanyak 48 penerbangan dron telah dijalankan bagi kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan AKAS, 1974 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.4**. *Key Performance Indicator* (KPI) pada tahun 2024 dikurangkan sebanyak 48 bilangan setahun berbanding tahun 2023 sebanyak 72 bilangan setahun setelah mengambilkira keperluan pengawasan dan penguatkuasaan pada tahun semasa. Selain itu juga, sebanyak dua (2) siri latihan yang dianjurkan oleh JASWPKL dengan kerjasama JAS Ibu Pejabat seperti di **Gambarfoto 2.3** hingga **Gambarfoto 2.6**.



**Rajah 2.4:** Bilangan Penerbangan Dron yang Dijalankan bagi Kerja Pengawasan dan Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974



**Gambarfoto 2.3:** Sesi Latihan Penerbangan Dron Tahun 2024



**Gambarfoto 2.4:** Latihan Praktikal Penerbangan Dron Tahun 2024



**Gambarfoto 2.5:** Latihan Praktikal Penerbangan Dron Tahun 2024



**Gambarfoto 2.6:** Latihan Praktikal Penerbangan Dron Tahun 2024

## PENGUATKUASAAN PROJEK-PROJEK EIA

### Penguatkuasaan Projek-Projek yang Tertakluk di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Alam Sekeliling, EIA) 2015

Penguatkuasaan EIA adalah salah satu aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada projek-projek yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Alam Sekeliling, EIA) 2005.

Penguatkuasaan EIA ini merupakan salah satu *core business* Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) yang diberi keutamaan bagi memastikan tahap pematuhan *EIA-Project Life Cycle Management* yang tinggi terhadap syarat kelulusan Laporan EIA.

Penguatkuasaan EIA adalah berdasarkan kepada status syarat kelulusan Laporan EIA (Seksyen 34A (7) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974) dan status pematuhan syarat Perintah Larangan (Seksyen 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974) yang telah dikeluarkan oleh JAS.

Penguatkuasaan ini adalah melibatkan aktiviti EIA yang akan melalui tiga (3) peringkat pelaksanaan iaitu





Tiada sebarang aktiviti dibenarkan dilaksanakan di tapak projek tanpa sebarang kelulusan Laporan EIA, Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan, EMP*) dan *Land Disturbing, Pollution Prevention and Mitigation Measures (LD-P2M2)*.


Pada tahun 2024, sebanyak 11 projek EIA yang dipantau kepada pematuhan kelulusan syarat-syarat Laporan EIA. Senarai projek tersebut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3:** Senarai Projek EIA yang Dipantau, 2024

BIL.	NAMA PROJEK	PENGERAK PROJEK
1	Cadangan Pembangunan Bercampur Di PT 3638-PT 3640, PT 8655, MK. Setapak, WPKL (Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.)	Sime Darby Melawati Development Sdn. Bhd.
2	Projek Pembangunan UPNM (JKR)	Jabatan Kerja Raya
3	EIA For The Proposed Mixed Development of Bandar Malaysia	Bandar Malaysia Sdn. Bhd.
4	Sungai Besi - Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE) (Projek Lintasan Kota Holding Sdn. Bhd.)	Projek Lintasan Sungai Besi-Ulu Kelang Sdn. Bhd.
5	Pembangunan Sebuah Stesen Permindahan Sisa Pepejal (KLTS)	Bumi Segar Indah Sdn Bhd
6	EIA For Temporary Sewage Treatment Plant (TSTP) For Cadangan Pembangunan Bercampur Perdagangan Dan Kediaman Di Atas Lot PT 26934, Taman Wahyu, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Messrs. Lake City KL North Sdn.Bhd.	Lake City KL North Sdn. Bhd.
7	Projek Pembangunan Komersial (Projek Malola-Pemaju)	Projek Malola
8	Proposed Residential And Commercial Redevelopment On DBKL`S Land On Lot 1602, 2969 And 2970 In Kampung Kerinchi And Pantai Dalam, Kuala Lumpur (Amona)	Amona Development Sdn. Bhd.
9	Cadangan Menaiktaraf STP KLR331 Sediaada Drpd 20000PE Kepada 40000PE Dengan Membina Modul 2 Di Kiara Bay Mukim Batu Daerah KL WPKL Bagi Tetuan Mega Legacy (M) SB	Mega Legacy (M) Sdn. Bhd.
10	Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Batu, Jinjang, Kuala Lumpur (Jabatan Perkhidmatan Pembentungan)	Jabatan Perkhidmatan Pembentungan
11	Preliminary Environmental Impact Assessment For Development Of Taman Persekutuan Bukit Kiara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Jabatan Landskap Negara



Sebanyak 121 penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 11 projek EIA tersebut yang melibatkan projek pada peringkat pembinaan dan pengoperasian. Berdasarkan kepada penguatkuasaan tersebut, sebanyak 121 *field citation* dan 14 Notis Arahan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) telah dikeluarkan seperti dalam **Rajah 2.5**.



**Rajah 2.5:** Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek EIA, Tahun 2024

Siasatan penguatkuasaan ini telah dilaksanakan dengan melihat beberapa komponen di dalam syarat kelulusan Laporan EIA seperti Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP) dan *Land Disturbing, Pollution Prevention dan Mitigation Measures* (LD-P2M2) yang telah diluluskan. Gambar pemeriksaan di pelbagai tapak adalah seperti di **Gambarfoto 2.7** hingga **Gambarfoto 2.12**.



**Gambarfoto 2.7:** Binaan Perangkap Kelodak di Projek Pembangunan Bercampur



**Gambarfoto 2.8:** Binaan Check Dam di Projek Pembangunan Bercampur



**Gambarfoto 2.9:** Salah Satu Rawatan di Salah Satu Projek Naik Taraf Loji Kumbahan




**Gambarfoto 2.10:** Turfing Cerun yang Terdapat di Projek UPNM



**Gambarfoto 2.11:** Pembangunan Cerun yang Terdapat dalam di Projek KL East



**Gambarfoto 2.12:** Kawasan Operasi di Projek Naik Taraf Stesen Pemindahan Sisa Pepejal





## Pemprosesan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP)

Pada tahun 2024, Unit Post EIA JAS WPKL juga telah menerima tiga (3) EMP bagi tiga (3) projek yang telah mendapat kelulusan syarat EIA. Projek-projek tersebut adalah seperti dalam **Jadual 2.4**:

**Jadual 2.4:** Projek yang telah Mengemukakan EMP

BIL	PROJEK
1	Cadangan Menaiktaraf STP KLR331 Sedia Ada Daripada 20000PE Kepada 40000PE Dengan Membina Modul 2 Di Kiara Bay Mukim Batu KL WPKL Bagi Tetuan Mega Legacy (M) SB
2	EIA For Temporary Sewage Treatment Plant (TSTP) For Cadangan Pembangunan Bercampur Perdagangan Dan Kediaman Di Atas Lot PT 26934, Taman Wahyu, Mukim Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Messrs. Lake City KL North Sdn.Bhd. - KLR 018
3	Environmental Impact Assessment (EIA) For The Proposed Mixed Use Development On Lots PT 26 And PT 31, Jalan Bangsar, Mukim Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Setia Federal Hill

## PENYELARASAN DATA DAN PELAN STRATEGIK

Unit Penyelarasan Data dan Pelan Strategik (PDPS) Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) memainkan peranan penting dalam pengurusan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Unit PDPS menjalankan fungsi utama untuk mengumpul, menyedia dan menyelaras data serta maklumat bagi semua unit di JAS WPKL bagi maksud penyediaan program kerja tahunan, penyediaan pencapaian kerja tahunan dan penyediaan laporan tahunan. Di samping menganalisis data yang diperolehi bagi menyokong program penguatkuasaan, pengawasan dan kesedaran alam sekitar Jabatan.

Unit PDPS JAS WPKL juga berperanan untuk memastikan Pelan Strategik JAS 2021-2030 diselaraskan dengan data yang relevan dengan kesesuaian dan kelayakan strategi yang telah dirancang. Selain itu, Unit PDPS turut menyediakan pelaporan berkala status pelaksanaan Pelan Strategik JAS 2021-2030 secara tahunan yang merangkumi hasil analisis data dan status pelan strategik untuk pengurusan atasan dan pihak berkepentingan lain.

Dengan merancang program tahunan yang komprehensif dan berstruktur, Unit Penyelarasan Data dan Pelan Strategik diharap dapat membantu memastikan penggunaan data yang berkesan dan selaras dengan pelan strategi Jabatan.

### Penyelarasan Data


Pada tahun 2024, Unit PDPS dengan kerjasama Unit Punca tetap JAS WPKL telah menjalankan program pengesanan dan pengemaskinian data punca pencemaran yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui modul Sistem Inventori Maklumat Pencemaran Alam Sekitar (SIMPAS) di Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

Sehingga 31 Disember 2024, didapati jumlah punca tetap yang aktif beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sebanyak 2,480 punca pencemaran. Bilangan punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah seperti yang ditunjukkan seperti dalam **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5:** Bilangan Punca Pencemaran yang Tertakluk di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974

BIL.	PERKARA	BIL. PUNCA
1.	Jumlah Punca Tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974	2,480
2.	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989	5
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005	1,935
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009	38
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan), 2009	196
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009	1
	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 2014	299

Daripada 2,480 punca pencemaran tersebut, sebanyak 1,893 punca pencemaran telah lengkap dikemaskini, koordinat melalui fungsi *geolocator* disahkan dan data sungai serta alur air telah dikemaskini. Peratus pengesahan dan pengemaskinian data punca pencemaran adalah sebanyak 76.63% seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.6**.



**Rajah 2.6:** Peratus Pengesahan dan Pengemaskinian Data Punca Pencemaran

Program pengesahan dan pengemaskinian data punca pencemaran ini akan diteruskan pada tahun 2025 sehingga mencapai 100% data punca pencemaran lengkap dan modul Sistem Inventori Maklumat Pencemaran Alam Sekitar (SIMPAS) di Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS) dapat digunakan sepenuhnya dalam pelaksanaan program penguatkuasaan.

### Pelan Strategik

Pada 8-9 November 2024, Unit PDPS telah menganjurkan Program Retreat: Mesyuarat dan Latihan Pemantapan Tugas Bagi Pegawai JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bertujuan untuk membentangkan prestasi dan pencapaian tahun 2024, selain itu ianya bertujuan untuk menetapkan hala tuju dan perancangan bagi penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU) yang akan dilaksanakan bagi tahun 2025.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBr. Pengarah JAS WPKL dan dibantu Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) dan Ketua Penolong Pengarah (KPP) JASWPKL. Metodologi mesyuarat dan latihan adalah meliputi taklimat, pembentangan, interaksi dua hala, perbincangan antara unit dan kaedah pembelajaran secara *hands-on*. Gambar-gambar pelaksanaan mesyuarat seperti di **Gambarfoto 2.13**.




**Gambarfoto 2.13:** Program Retreat: Mesyuarat dan Latihan Pemantapan Tugas bagi Pegawai JAS WPKL



Latihan pemantapan tugas telah dikendalikan secara dalam kumpulan dan terbahagi kepada empat (4) modul. Objektif latihan adalah untuk membina kerjasama pasukan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran membuat keputusan, pemikiran yang kritis dan fokus yang tinggi di kalangan pegawai bagi pembudayaan kerja berpasukan yang mantap. Gambar-gambar pelaksanaan latihan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Gambarfoto 2.14**.



**Gambarfoto 2.14:** Mesyuarat dan Latihan Pemantapan Tugas bagi Pegawai JAS WPKL







## **BAB 3**

# **BAHAGIAN OPERASI**

**PENGUATKUASAAN PREMIS YANG BUKAN ■  
DITETAPKAN (PYBDT)**

**PENGUATKUASAAN LOJI PENGOLAHAN ■  
KUMBAHAN**

**PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN ■  
BUANGAN TERJADUAL (PYDT BT)**

**PENGUATKUASAAN PUNCA-PUNCA BERGERAK ■  
ADUAN PENCEMARAN ■**

**RONDAAN OPERASI MENCEGAH ■  
PEMBAKARAN TERBUKA**

**PROGRAM KOMUNITI LARANGAN ■  
PEMBAKARAN TERBUKA**

**PENDAKWAAN ■**



# BAHAGIAN OPERASI




## PENGUATKUASAAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)

Premis yang bukan ditetapkan adalah merujuk kepada premis selain daripada yang dilesenkan oleh JAS di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127) iaitu selain daripada kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah dan kilang, kemudahan yang menjalankan proses pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual.

Premis-premis ini merangkumi pelbagai industri pembuatan dan pengilangan, bengkel kenderaan, klinik, loji kumbahan, tapak pelupusan sisa pepejal dan sebagainya. Pengoperasian premis-premis ini adalah tertakluk kepada Akta 127, Peraturan-Peraturan, Kaedah-Kaedah dan Perintah-Perintah di bawahnya dan pemakaian perundangan tersebut adalah bergantung kepada operasi dan proses di premis masing-masing.

Penguatkuasaan dijalankan oleh JAS WPKL ke atas PYBDT merangkumi kawasan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP). Pasukan penguatkuasa bagi Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Zon Utara dan Zon Selatan & Putrajaya. Unit Zon Utara menjalankan penguatkuasaan di premis yang terletak di parlimen Kepong, Batu, Wangsa Maju, Setiawangsa, Segambut dan Lembah Pantai. Manakala Unit Zon Selatan & Putrajaya pula menjalankan penguatkuasaan di premis yang terletak di parlimen Cheras, Seputeh, Titiwangsa, Bandar Tun Razak, Bukit Bintang dan Putrajaya.

Berdasarkan rekod pada tahun 2024, bilangan PYBDT yang tertakluk kepada Akta 127 adalah sebanyak 1865 premis yang terletak di WPKL dan 77 pula terletak di WPP. Pecahan bilangan premis PYBDT yang terletak di Kuala Lumpur mengikut parlimen adalah seperti **Rajah 3.1**. bagi WPP terdapat hanya satu (1) parlimen sahaja.




**Rajah 3.1:** Bilangan Premis PYBDT Mengikut Kawasan Parlimen di WPKL

Pada tahun 2024, sebanyak 704 pemeriksaan telah dijalankan di WPKL dan 42 pemeriksaan di WPP. Pecahan pematuhan premis ditunjukkan seperti pada **Rajah 3.2** bagi premis di WPKL dan **Rajah 3.3** bagi premis di WPP. Penguatkuasaan dijalankan berdasarkan peraturan-peraturan seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009
3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009
4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

### Bilangan Pemeriksaan (Pematuhan) Kepada AKAS 1974 (Pindaan) 2024 di Kuala Lumpur


Berdasarkan **Rajah 3.2**, pemeriksaan bagi premis yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 sebanyak 107 premis patuh dan 21 premis tidak patuh. Bagi premis yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 pula, sebanyak 13 premis patuh dan empat (4) premis tidak patuh. Bagi pemeriksaan premis yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, semua pemeriksaan premis pada tahun 2024 adalah patuh.



**Rajah 3.2:** Pematuhan PYDT Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di WP Kuala Lumpur

### Bilangan Pemeriksaan (Pematuhan) Kepada AKAS 1974 (Pindaan) 2024 di Putrajaya

Berdasarkan **Rajah 3.3**, bagi premis yang diperiksa di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, sebanyak 38 premis patuh dan lima (5) tidak patuh. Bagi premis yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, semua premis adalah patuh. Daripada 19 premis yang diperiksa di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, sebanyak 17 patuh dan dua (2) tidak patuh. Tiada premis yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 yang terletak di Putrajaya sepanjang tahun 2024.



**Rajah 3.3:** Pematuhan PYBDT Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan) 2024 di WP Putrajaya

**Gambarfoto 3.1** hingga **Gambarfoto 3.7** menunjukkan pemeriksaan yang dijalankan ke atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.



**Gambarfoto 3.1:** Pemeriksaan Pematuhan Premis kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009



**Gambarfoto 3.2:** Pemeriksaan Pematuhan Premis kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014



**Gambarfoto 3.3:** Pegawai Penyiasat (IO) Menjalankan Persampelan Buangan Terjadual bagi Premis di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005





**Gambarfoto 3.4:** Pemeriksaan Penstoran Buangan Terjadual di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005



**Gambarfoto 3.5:** Persampelan Buangan Terjadual di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005



**Gambarfoto 3.6:** Persampelan Efluen Perindustrian di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009



**Gambarfoto 3.7:** Persampelan Efluen Perindustrian di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

### Ops Gempur

Selaras dengan ketetapan Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, pelaksanaan Ops Gempur diteruskan sepanjang tahun 2024. Premis yang bermasalah dan berpotensi menyebabkan pencemaran di bawah AKAS, 1974 (Pindaan) 2024 telah menjadi keutamaan untuk diperiksa. Antaranya adalah premis yang terletak di atas jajaran *River of Life (RoL)* seperti premis memproses makanan, hospital, pusat kesihatan, bengkel kenderaan termasuk juga premis-premis yang bermasalah dan berpotensi menyebabkan pencemaran dan menimbulkan aduan berulang telah digempur.

Daripada 12 siri Ops Gempur yang telah dilaksanakan, tujuh (7) siri pemeriksaan adalah tertumpu kepada Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) yang mana premis adalah tertakluk kepada AKAS 1974 (Pindaan) 2024. Sebanyak 94 *field citation*, 29 notis arahan, sepuluh (10) Kompaun dan 11 tindakan mahkamah telah dikeluarkan terhadap ketidakpatuhan di bawah AKAS, 1974 (Pindaan) 2024.

Satu (1) Ops Gempur Rentas Sempadan Zon Tengah melibatkan pegawai dari JAS WPKL dan JAS Selangor telah diadakan pada 27 Jun 2024. JAS Selangor telah dipilih sebagai urusetia Ops Gempur Rentas Sempadan Zon Tengah di mana pemeriksaan ke atas premis-premis yang terletak di sekitar negeri Selangor yang berpotensi melakukan kesalahan di bawah AKAS 1974. Pegawai penguatkuasa daripada JAS WPKL terlibat menyertai pasukan penyiasat semasa Ops tersebut. **Gambarfoto 3.8** dan **Gambarfoto 3.9** menunjukkan Ops Gempur Rentas Sempadan Zon Tengah.



**Gambarfoto 3.8:** Pasukan Penguatkuasa dari JAS WPKL dan Cawangan Kajang, Selangor



**Gambarfoto 3.9:** YBhg. Dato KPAS Menyantuni Pasukan Ops Gempur Rentas Sempadan Zon Tengah di Pejabat JAS Cawangan Kajang, Selangor

### Ops Bersepadu

JAS bersama-sama agensi sahabat penguatkuasa yang lain turut bekerjasama melaksanakan penguatkuasaan ke premis-premis yang disyaki mencemar alam sekitar di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi menangani aduan awam dan memastikan pencemaran alam sekitar terus terpelihara, JAS telah menjalankan Ops Bersepadu bersama-sama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar (JKAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menggempur premis barang lusuh yang menjalankan aktiviti melibatkan buangan terjadual seperti buangan elektrik/ elektronik (SW 110) dan bateri terpakai (SW 102). Premis telah dikenakan notis arahan di bawah Seksyen 31, AKAS 1974 dan kertas siasatan telah disediakan ke atas kesalahan di bawah Seksyen 18 dan Seksyen 19, AKAS 1974. **Gambarfoto 3.10** dan **3.11** menunjukkan pemeriksaan di premis barang lusuh bersama PDRM, TNB dan DBKL.



**Gambarfoto 3.10:** Pemeriksaan di Premis Barang Lusuh Bersama PDRM, TNB dan DBKL




**Gambarfoto 3.11:** Pemeriksaan di Premis Barang Lusuh Bersama PDRM, TNB dan DBKL



## PENGUATKUASAAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN


Salah satu punca pencemaran air sungai di Wilayah Persekutuan ialah loji pengolahan kumbahan yang dibina seiring dengan peningkatan kepadatan penduduk di Ibu Negara Malaysia ini. Sebanyak 196 dan dua (2) buah Loji Pengolahan Kumbahan masing-masing di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Daripada jumlah itu, 169 loji pengolahan kumbahan adalah dibawah seliaan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan 29 loji pengolahan kumbahan adalah milik persendirian seperti di **Rajah 3.4**.



**Rajah 3.4:** Bilangan Loji dan Bilangan Pemeriksaan Loji Pengolahan IWK dan Loji Pengolahan Persendirian pada Tahun 2024

Pada tahun 2024, sebanyak 153 pemeriksaan telah dijalankan terhadap premis loji pengolahan kumbahan IWK dan 14 loji pengolahan kumbahan milik persendirian di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 notis arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan, empat (4) tawaran kompaun dan empat (4) kertas siasatan telah dibuka susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi loji pengolahan kumbahan semasa pemeriksaan berkala dijalankan oleh penguatkuasa JAS WPKL.

Selain pemeriksaan pada waktu siang, operasi bersepadu pada waktu malam juga telah dijalankan bersama-sama pihak IWK dan SPAN di sekitar kawasan Parlimen Batu, WP Kuala Lumpur bagi tujuan memastikan tiada efluen terlarang seperti air sisa sembelihan ayam memasuki loji rawatan kumbahan yang berisiko menjejaskan kualiti pelepasan akhir loji tersebut. Bilangan tindakan penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 pada tahun 2024 adalah seperti **Rajah 3.5**.



**Rajah 3.5:** Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Loji Kumbahan di WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya pada Tahun 2024



**Gambarfoto 3.12** hingga **Gambarfoto 3.14** merupakan di antara koleksi gambar sepanjang penguatkuasaan di loji pengolahan kumbahan WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya oleh pegawai-pegawai Penguatkuasa JAS WPKL pada tahun 2024.



**Gambarfoto 3.12:** Perbincangan dengan Pengendali Loji Semasa Pemeriksaan di Loji Pengolahan Kumbahan pada Tahun 2024



**Gambarfoto 3.13:** Persampelan untuk Dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia



**Gambarfoto 3.14:** Persampelan untuk Dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia


## PENGUATKUASAAN PREMIS YANG DITETAPKAN BUANGAN TERJADUAL (PYDT BT)

Di bawah seliaan JAS WPKL pada tahun 2024, terdapat lima (5) Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan tersebut.


Pada sukuan pertama tahun 2024, sebanyak lima (5) pembaharuan lesen premis Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (e-Waste) dan lima (5) pembaharuan lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) telah dikeluarkan. Sebanyak 39 pemeriksaan telah dilaksanakan terhadap kesemua lima (5) premis dan pengangkut PYDT BT tersebut dalam memastikan pematuhan terhadap AKAS 1974.



Bilangan pemeriksaan PYDT BT dan pecahan pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989, dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, pada tahun 2024 adalah seperti **Rajah 3.6**. Berdasarkan hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak empat (4) Notis Arahan telah dikeluarkan di bawah Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, satu (1) Kertas Siasatan dibuka dan satu (1) kompaun telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sepertimana yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.7**. Dalam tahun 2024, operasi bersepadu bersama PDRM, DBKL dan TNB turut disertai JAS WPKL dalam usaha membanteras aktiviti memproses e-Waste tanpa kelulusan JAS dan agensi-agensi berkaitan.



**Rajah 3.6:** Bilangan Pemeriksaan dan Pematuhan PYDT BT, Tahun 2024



**Rajah 3.7:** Tindakan Penguatkuasaan ke atas PYDT BT, Tahun 2024



**Gambarfoto 3.15** dan **Gambarfoto 3.16** menunjukkan pemeriksaan ke atas kemudahan pemerolehan kembali separa luar tapak buangan elektrik dan elektronik (e-waste)/ premis yang ditetapkan buangan terjadual. **Gambarfoto 3.17** menunjukkan pemeriksaan ke atas pembawa yang ditetapkan buangan terjadual.



**Gambarfoto 3.15:** Pemeriksaan ke Atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Separu Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-waste)/ Premis yang Ditetapkan Buangan Terjadual



**Gambarfoto 3.16:** Pemeriksaan ke Atas Kemudahan Pemerolehan Kembali Separu Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-waste)/ Premis yang Ditetapkan Buangan Terjadual



**Gambarfoto 3.17:** Pemeriksaan ke Atas Pembawa yang Ditetapkan Buangan Terjadual



## PENGUATKUASAAN PUNCA-PUNCA BERGERAK

### Kawalan Pelepasan Asap daripada Kenderaan Diesel

Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

**i**

Operasi Statik (Diesel, Petrol, Bunyi Bising Motosikal dan Gas Motosikal)

**ii**

Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video, dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan)

**iii**

Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

**iv**

Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam.

**v**

Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)


### Kawalan Pelepasan Asap Hitam daripada Enjin Diesel

Sepanjang tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan sebanyak 19 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. **Gambarfoto 3.18** menunjukkan operasi yang telah dijalankan.



**Gambarfoto 3.18:** Operasi Pelepasan daripada Enjin Diesel dan Gas CO/HC

Hasil operasi tersebut sejumlah 1094 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 275 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan daripada jumlah tersebut pula, 22 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) dan 53 notis arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.8**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 97.9%.



**Rajah 3.8:** Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil ke Atas Kenderaan Berenjin Diesel



### Operasi Bersepadu

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 113 operasi melibatkan agensi-agensi tersebut. **Gambarfoto 3.19** merupakan Operasi Bersepadu yang dijalankan bersama pihak agensi lain.




**Gambarfoto 3.19:** Operasi Bersepadu yang Dijalankan Bersama Pihak Agensi Lain

### Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat menggunakan Video Kamera juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai Peronda JAS Kuala Lumpur telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan.

Notis arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 223 operasi catat telah dijalankan. Sebanyak 20,407 buah kenderaan diesel telah diperhatikan dan daripada jumlah itu, 53 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan mengikut jenis kenderaan seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.9**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 97.9 %.



**Rajah 3.9:** Bilangan Operasi Catat yang Telah Dilaksanakan Mengikut Jenis Kenderaan Sepanjang Tahun 2024



### Kawalan Punca ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan sepuluh (10) unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dan petrol dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam dan gas ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan.

Terdapat sebanyak 28 Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2024, sejumlah 25 pemeriksaan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator). Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca. **Gambarfoto 3.20** adalah pemeriksaan di premis *fleet operator*.



**Gambarfoto 3.20:** Pemeriksaan di Premis *Fleet Operator*

### Kawalan terhadap Kemudahan yang Diluluskan (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL. Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapi dengan meter asap yang perlu dikalibrasi dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, RAPID MALURI Cheras dan PUSPAKOM Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2024, sebanyak 99 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM di hadapan pegawai pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.

**Gambarfoto 3.21** menunjukkan pemeriksaan di premis *fleet operator* (FO)/ kemudahan yang diluluskan (KYDL).



Gambarfoto 3.21: Pemeriksaan di Premis FO/KYDL

### Kawalan Pelepasan Asap di Hentian Bas Awam

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas 11 buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hub Lebu Pudu, Hentian Duta, Hub Pasar Seni, Hentian Pekeliling, Hentian Putrajaya Sentral, Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Hentian Puduraya dan Hentian KL Sentral.

Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak lapan (8) pemeriksaan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 83 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2024, didapati semua kenderaan motor yang dipantau semasa pemeriksaan dijalankan patuh dengan kehendak undang-undang yang berkaitan. **Gambarfoto 3.22** adalah operasi yang dijalankan di hentian bas.



Gambarfoto 3.22: Operasi di Hentian Bas

### Kawalan Pengurusan Refrigeran


Sebanyak sembilan (9) Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (aircond) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan *refrigerant identifier* sepanjang tahun 2024 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Semua Pusat Servis Penghawa Dingin yang disiasat telah mematuhi peraturan di atas. Pemeriksaan pematuhan dan pengujian dengan menggunakan *refrigerant identifier* adalah seperti dalam **Gambarfoto 3.23**.




**Gambarfoto 3.23:** Pemeriksaan Pematuhan dan Pengujian dengan Menggunakan *Refrigerant Identifier*

### Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2024, sebanyak 20 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Melalui operasi tersebut sejumlah 126 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Daripada jumlah tersebut, semua kenderaan yang diuji mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.10**. Manakala **Gambarfoto 3.24** menunjukkan operasi pelepasan gas CO/HC daripada kenderaan berenjin petrol.





**Rajah 3.10:** Status Pematuhan Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol




**Gambarfoto 3.24:** Operasi Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol

### Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 67 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sebanyak 2,155 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan saringan dan sebanyak 499 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan meter bunyi bising. Dari jumlah tersebut, 263 buah motorsikal telah dikenakan kompaun dan 385 surat arahan untuk menjalani ujian semula bunyi bising seperti ditunjukkan pada **Rajah 3.11**. Operasi pelepasan bunyi bising motosikal adalah seperti dalam **Gambarfoto 3.25**.



Rajah 3.11: Status Tindakan ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal



Gambarfoto 3.25: Operasi Pelepasan Bunyi Bising Motosikal



### Kawalan Pelepasan Gas Karbon Monoksida (CO) Daripada Motosikal

Pada tahun 2024, sebanyak tujuh (7) operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas Motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sebanyak 36 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas dan tersebut di dapati motosikal yang diuji mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. **Gambarfoto 3.26** menunjukkan operasi pelepasan gas CO daripada motosikal.




**Gambarfoto 3.26:** Operasi Pelepasan Gas CO daripada Motosikal

### ADUAN PENCEMARAN

Sepanjang tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar WP Kuala Lumpur telah menerima dan mengambil tindakan susulan terhadap 791 kes aduan pencemaran alam sekitar. Peningkatan aduan yang diterima adalah sebanyak 25.96% berbanding 628 kes yang diterima pada tahun 2023.


Statistik aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak tahun 2013 sehingga 2024 menunjukkan bahawa bilangan aduan yang tertinggi diterima adalah pada tahun 2024. Aduan yang diterima daripada pengadu adalah melalui talian telefon *hotline*, aplikasi *What'sApp*, sistem e-aduan, emel, surat ataupun secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan tersebut boleh dirujuk pada **Rajah 3.12**.



**Rajah 3.12:** Statistik Aduan yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2013 Sehingga Tahun 2024




Bagi jenis aduan yang diterima sepanjang tahun 2024, pencemaran udara merupakan aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 653 kes (82.55%). Ini diikuti dengan kes pencemaran bunyi bising sebanyak 37 kes (4.68%), kes pencemaran air sebanyak 32 kes (4.05%), aduan buangan terjadual sebanyak satu (1) kes (0.13%) dan kes aduan lain seperti tumpahan minyak, gegaran aduan pembuangan sampah serta kacau ganggu sebanyak 68 kes (8.60%). Bagi aduan yang diluar bidang kuasa JAS, Jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut kepada agensi-agensi berkaitan yang mempunyai bidang kuasa bagi mengambil tindakan selanjutnya. Carta peratusan aduan mengikut jenis adalah seperti di dalam **Rajah 3.13**.



**Rajah 3.13:** Carta Peratusan Jenis Aduan Tahun 2024

Sepanjang tahun 2024, aduan pencemaran udara merupakan aduan yang paling banyak diterima oleh JAS WP Kuala Lumpur iaitu sebanyak 653 kes (82.55%) berbanding dengan aduan pencemaran lain. Pecahan bagi aduan pembakaran terbuka mengikut kawasan parlimen pula menunjukkan kawasan Parlimen Seputeh merupakan kawasan paling tinggi yang diadu sebanyak 127 kes (20.09%). Ini diikuti dengan kawasan Parlimen Wangsa Maju sebanyak 81 kes (12.82%), kawasan Parlimen Kepong sebanyak 66 kes (10.44%). Bilangan aduan pembakaran terbuka mengikut kawasan parlimen adalah seperti di dalam **Rajah 3.14**.



**Rajah 3.14 :** Bilangan Aduan Pembakaran Terbuka di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Tahun 2024



## RONDAAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA

Pada tahun 2024 juga sebanyak 150 rondaan mencegah pencemaran melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

## PROGRAM KOMUNITI LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan tiga (3) program kesedaran mengenai larangan pembakaran terbuka di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Program Pencegahan Dan Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Serta Kawasan Lain Yang Berisiko Kebakaran Untuk Mengatasi Jerebu.

Program Komuniti Kesedaran Larangan Pembakaran Terbuka diadakan di Pusat Komuniti Taman Menjalara pada 21 September 2024 dan Pusat Komuniti Seri Petaling pada 5 Oktober 2024 yang terletak di Parlimen Segambut dan Parlimen Seputeh. Program Komuniti Kesedaran Mengenai Larangan Pembakaran Terbuka merupakan aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh JAS dalam menghebahkan larangan pembakaran terbuka yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara dan jerebu di kawasan setempat.

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga telah mengadakan program Santai Cakna Alam Sekitar yang dihadiri oleh wakil-wakil dari agensi kerajaan dan wakil-wakil dari pejabat Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk menjalin kerjasama dan meningkatkan kefahaman agensi-agensi kerajaan serta wakil-wakil pejabat Parlimen mengenai bidang tugas Jabatan Alam Sekitar serta membuat hebahan mengenai pindaan baru Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2024. **Gambarfoto 3.27** program Santai Cakna Alam Sekitar.




**Gambarfoto 3.27:** Program Santai Cakna Alam Sekitar

## PENDAKWAAN

Dengan kuasa yang diberikan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Kuala Lumpur kepada Pegawai Pendakwa di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), pendakwaan akan dijalankan ke atas penjenayah Alam Sekitar yang melakukan kesalahan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) serta akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Di antara skop tugas Pegawai Pendakwa dan pegawai-pegawai di Unit Pendakwaan JAS WPKL adalah seperti berikut;



### Kertas Siasatan, Tawaran Kompaun dan Tindakan Mahkamah

Pendakwaan merupakan proses tindakan mahkamah yang telah diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah dan boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan yang tertakluk di bawahnya. Proses tindakan mahkamah ini akan melalui perkara-perkara seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 3.15**.



**Rajah 3.15:** Carta Alir Proses Tindakan Mahkamah

Berdasarkan peruntukan perundangan, kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang tertakluk di bawahnya boleh dikenakan sama ada tindakan kompaun atau tindakan mahkamah dengan dimulakan dengan penyediaan kertas siasatan.





### Kertas Siasatan


Kertas Siasatan adalah satu rekod fakta secara bertulis dan keterangan yang diperolehi melalui penyiasatan yang dijalankan ke atas kes jenayah alam sekitar mengikut peruntukan Akta 127. Kertas siasatan yang telah dibuka seterusnya dikemukakan kepada TPR Negeri atau Penasihat Undang-Undang (PUU) JAS bagi permohonan keizinan mengkompaun dan keizinan pendakwaan sepertimana kehendak Seksyen 44, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sepanjang tahun 2024, bilangan kertas siasatan oleh JAS WPKL yang telah dibuka mengikut punca pencemaran adalah seperti ditunjukkan pada **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1:** Kertas Siasatan yang Dibuka Mengikut Punca Pencemaran Tertakluk Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

KERTAS SIASATAN PUNCA BERGERAK	KERTAS SIASATAN PUNCA TETAP/ADUAN	JUMLAH KERTAS SIASATAN YANG DIBUKA TAHUN 2024
274	58	332

### Izin Mengkompaun dan Tawaran Kompaun

Tawaran kompaun dikeluarkan kepada pesalah di bawah kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun setelah mendapat keizinan mengkompaun daripada TPR atau PUU. Bagi tahun 2024, sebanyak 320 tawaran kompaun telah dikeluarkan dengan jumlah kutipan bayaran sebanyak RM182,730.00 diperolehi oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Statistik tawaran kompaun mengikut kesalahan adalah seperti **Rajah 3.16**.



**Rajah 3.16:** Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Kesalahan di Bawah AKAS 1974



## TINDAKAN MAHKAMAH

### Pendakwaan, Pendaftaran Kes Mahkamah dan Perbicaraan Kes Mahkamah

Sepanjang tahun 2024, sebanyak lima (5) Kertas Siasatan telah dibuka berkaitan dengan kes-kes yang memerlukan izin pendakwaan. Kertas Siasatan ini merupakan langkah awal dalam proses perundangan untuk mendapatkan kebenaran bagi memulakan pendakwaan terhadap pihak-pihak yang disyaki melakukan kesalahan.

#### Kes Daftar Di Mahkamah Tahun 2024

Daripada jumlah Kertas Siasatan yang dibuka pada tahun 2024 dan tahun sebelumnya, sebanyak 14 kes telah didaftarkan secara rasmi di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Pendaftaran kes ini menandakan permulaan proses perbicaraan di mahkamah bagi menentukan kesalahan atau sebaliknya pihak-pihak yang terlibat.

#### Sebutan Dan Perbicaraan Kes di Mahkamah

Kes-kes yang telah didaftarkan di mahkamah telah melalui pelbagai peringkat perbicaraan, termasuk sebutan kes dan perbicaraan penuh. Secara keseluruhannya, terdapat 64 kali sebutan dan perbicaraan kes di mahkamah sepanjang tahun 2024. Sebutan kes merupakan prosiding di mana pihak-pihak iaitu Orang Kena Saman (OKS), Pihak Pendakwaan dan Peguambela (sekiranya OKS diwakili peguam) yang terlibat perlu hadir di hadapan hakim untuk memberikan perkembangan terkini mengenai kes, manakala perbicaraan penuh melibatkan pembentangan bukti dan hujahan daripada pihak pendakwaan dan pembelaan.

#### Kes Selesai

#### Denda dan Hukuman Mahkamah, Kes *Discharge Not Amounting To An Acquittal* (DNAA) dan Kes *No Further Action* (NFA)

Pada tahun 2024, sebanyak 16 kes mahkamah telah berjaya diselesaikan di Mahkamah Sesyen Jenayah 12, Mahkamah Kuala Lumpur di hadapan Hakim Pn. Norina binti Zainol Abidin. Daripada jumlah itu, sebanyak sembilan (9) kes telah dijatuhkan hukuman dan denda yang melibatkan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM 209,000.00 di bawah pelbagai kesalahan yang berjaya disabitkan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan di bawahnya. **Jadual 3.2** menunjukkan kes yang telah dijatuhkan hukuman beserta jumlah denda dan kesalahan yang dilakukan.

**Jadual 3.2:** Kes yang telah Dijatuhkan Hukuman pada Tahun 2024 bagi Kesalahan di Bawah AKAS 1974

BIL.	ORANG KENA SAMAN (OKS)	HUKUMAN/ DENDA	SABITAN KESALAHAN
1	Bhuiyen Farming Sdn Bhd	Denda RM 30,000	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009
2	Maju TMAS Sdn Bhd	Denda RM 15,000	PPKAS (Kumbahan) 2009
3	Choon Giap Knitting Industries Sdn Bhd	Denda RM 12,000	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009
4	Walian Food Industries Sdn Bhd	Denda RM 12,000	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009
5	HPC Freshmart Sdn Bhd	Denda RM 75,000	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009
6	Muhammad Hafiz bin Mohd Endo	Satu (1) Bulan Penjara	Seksyen 23 (1) AKAS 1974
7	Huasin Food Industries Sdn Bhd	Denda RM 30,000	Seksyen 25 (3) AKAS 1974
8	T&T Pacific Sdn Bhd	Denda RM 20,000	Seksyen 34 A (7) AKAS 1974
9	Malaysia Steelwool Sendirian Berhad	Denda RM 12,000	PPKAS (Udara Bersih) 2014



Pada tahun 2024, Pihak Pendakwaan telah berjaya merekodkan satu hukuman penjara selama satu (1) bulan penjara ke atas OKS di bawah kesalahan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Dalam kes ini, Pihak Pendakwaan dan Pasukan Penyiasat telah berjaya menjejaki OKS yang gagal membayar tawaran kompaun sejak tahun 2020 seterusnya telah dihadapkan ke mahkamah untuk disabitkan. Pada tanggal 13 Ogos 2024, Hakim Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman iaitu satu (1) bulan penjara ke atas OKS pada sebutan kes kali ke-3 selepas pengakuan salah dibuat oleh OKS tanpa paksa rela daripada mana-mana pihak.

Sebanyak tujuh (7) kes yang telah didaftarkan telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen sebagai dilepaskan tanpa dibebaskan oleh Mahkamah (DNAA) atas alasan waran tangkap gagal disempurnakan dan OKS telah selesai membayar tawaran kompaun. Berdasarkan rekod Kertas Siasatan yang dibuka pada tahun 2024 dan tahun sebelumnya, sebanyak 240 kertas siasatan yang diputuskan tidak diteruskan untuk pendakwaan oleh Yang Arif TPR iaitu kes 'No Further Action' (NFA) kerana OKS telah selesai membayar kompaun. Manakala sebanyak tujuh (7) kertas siasatan yang dibuka untuk pendakwaan diputuskan sebagai NFA atas alasan-alasan tertentu seperti OKS telah melarikan diri ke luar negara tidak kembali ke Malaysia sejak tahun 2019 dengan maklumat yang telah diperolehi dan disahkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

## AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2024

Pada 7 Julai 2024, Pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) telah berjaya diwartakan oleh Menteri di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sebagai Akta A1712 yang menetapkan denda maksimum RM10 juta bagi kesalahan melibatkan pencemaran air, pencemaran buangan minyak serta buangan di perairan Malaysia dan pelupusan haram buangan terjadual.

Pindaan Akta ini melibatkan 28 Seksyen yang membawa kepada hukuman penjara mandatori tidak melebihi tempoh lima (5) tahun dikenakan bagi kesalahan melibatkan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan ketidakpatuhan kepada keperluan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).

Selain itu, pindaan juga melibatkan peruntukan di bawah Seksyen 45 Akta A1217 mengenai kadar kompaun juga telah ditingkatkan daripada denda maksimum RM 2000.00 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.

## KOLABORASI STRATEGIK JAS WPKL BERSAMA AGENSI LUAR DALAM MEMPERKUKUHKAN PROGRAM PENGUATKUASAAN

### Kunjungan Hormat Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) ke Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) Cawangan WP Kuala Lumpur

Pada 25 Mac 2024, satu kunjungan hormat telah diadakan antara Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Puan Zuraini Ahmad Tajudin dan pihak Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri (PPN) Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kunjungan ini bertujuan untuk meneruskan dan mengeratkan jalinan kerjasama yang sedia ada antara JAS WPKL dan Unit Pendakwaan, Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kunjungan hormat ini juga memberi ruang untuk kedua-dua pihak membincangkan isu-isu berkaitan perundangan alam sekitar serta menambah ilmu pengetahuan melalui perkongsian pengalaman antara agensi. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Perjumpaan tersebut telah berlangsung di Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pengarah JAS WPKL, Puan Hj. Zuraini Ahmad Tajudin telah diiringi oleh pegawai-pegawai daripada JAS WPKL. Pihak Pejabat Pengarah Pendakwaan Negeri Cawangan WPKL pula diketuai oleh Pengarah Pendakwaan Negeri Cawangan WPKL, Datin Kalmizah binti Salleh. Turut hadir dalam pertemuan ini adalah Timbalan Pendakwa Raya, Tuan Mohd Sabri bin Othman, dan Puan Izalina binti Abdullah. **Gambarfoto 3.28** menunjukkan kunjungan hormat Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL)



**Gambarfoto 3.28:** Kunjungan Hormat Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL)

### Majlis Pelupusan Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Kontijen Kuala Lumpur

Pada 25 Julai 2024, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin telah diundang sama dalam Majlis Pelupusan Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Kuala Lumpur Siri 2/2025 yang telah disempurnakan oleh YDH SAC Mohd Razali bin Mohd Idrus, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Polis Kuala Lumpur bertempat di Balai Polis Alam Damai, Cheras. **Gambarfoto 3.29** menunjukkan Majlis Pelupusan Barang Kes, Jabatan Siasatan Jenayah Kontijen Kuala Lumpur.



**Gambarfoto 3.29:** Majlis Pelupusan Barang Kes, Jabatan Siasatan Jenayah Kontijen Kuala Lumpur



Turut bersama dalam majlis ini adalah YBhg. Datin Kalmizah binti Salleh, Pengarah Pendakwaan Negeri, Kuala Lumpur, YBhg. Tuan Azrul bin Darus, Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah Kuala Lumpur, YBhg. Puan Farah Binti Mohamad Ali, *Lead State Retail Customer & Partner Engagement* (TNB) Kuala Lumpur; YBhg. KPKPJ Suzeliyana binti Hashim, Timbalan Pengarah (Operasi) SPRM Kuala Lumpur; Pegawai-Pegawai Kanan Polis, Pegawai-pegawai Rendah Polis dan Pegawai-Pegawai Awam.

Barang kes yang dilupuskan adalah yang telah diluluskan dan telah mendapat perintah mahkamah untuk dilupuskan tertakluk dibawah peruntukan Seksyen 407(2) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Kaedah pelupusan barang kes termasuk 'ewaste' adalah selaras dengan saranan JAS yang mana sekaligus menyahut inisiatif Amalan Hijau dan Aplikasi Teknologi Hijau melalui *Go Green PDRM*.

Majlis ini telah dijayakan oleh Pihak PDRM bersama beberapa Agensi termasuk JAS WPKL, Jabatan Peguam Negara Cawangan WPKL, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, SPRM WPKL dan TNB. Secara keseluruhan, majlis ini menjadi satu platform penting dalam memperkukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan dan agensi sektor swasta, di samping memastikan proses pelupusan barang kes dijalankan dengan cara yang beretika dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.







## BAB 4

# PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR

- PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH
- PENGAWASAN KUALITI UDARA
- PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI
- PROGRAM PENGAWASAN
- CERAMAH ALAM SEKITAR
- PAMERAN ALAM SEKITAR



# PENGAWASAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR



## PENGAWASAN

Program Pengawasan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 2024 adalah terbahagi kepada tiga (3) iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai. Pengawasan bunyi bising juga turut dilaksanakan bagi membantu siasatan dan pemantauan terhadap kes-kes aduan awam berkenaan bunyi bising daripada projek-projek yang tertakluk di bawah aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 2015).

Kerja-kerja pengawasan dilaksanakan secara pemantauan di lapangan dan pemantauan data secara *desktop* melalui sistem yang dibangunkan oleh Jabatan seperti berikut;

1. Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme-EQMP); dan
2. Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

## PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Pada tahun 2024 terdapat tujuh (7) Stesen Air Tanah yang dikawal selia oleh JAS WPKL iaitu dua (2) Stesen Air Tanah di Taman Beringin Kepong, tiga (3) Stesen Air Tanah di Jalan Sungai Besi, satu (1) Stesen Air Tanah di Royal Selangor Golf Resort dan satu (1) Stesen Air Tanah di Taman Wetland Putrajaya. Persampelan tidak dapat dijalankan di Stesen Air Tanah Royal Selangor Golf Resort disebabkan oleh paras air bawah tanah yang rendah.

Pengawasan air tanah dilaksanakan bagi setiap sukuan dari sukuan pertama hingga sukuan keempat setiap tahun.

**Gambarfoto 4.1** menunjukkan persampelan stesen pengawasan air tanah yang dilaksanakan pada tahun 2024.



**Gambarfoto 4.1:** Kerja-Kerja Persampelan Stesen Pengawasan Air Tanah Sepanjang Tahun 2024

### Pengurusan Stesen Air Tanah

Pada tahun 2024, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menerima peruntukan sebanyak RM 8,700.00 untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan luaran dan dalaman di lima (5) lokasi stesen pengawasan air tanah iaitu:

1. Tapak Nurseri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
2. Bekas Tapak Pelupusan Sampah di Taman Beringin, Kepong;
3. Stesen Pengawasan Air Tanah di Wetland, Putrajaya; dan
4. Dua (2) stesen pengawasan air tanah di jajaran Lebuh raya MEX, Sungai Besi. Manakala satu (1) lokasi stesen pengawasan air tanah di Royal Selangor Golf Club bagi penyelenggaraan dalaman.

Kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor yang dilantik telah melibatkan penyelenggaraan luaran seperti mengecat, membaikpulih dan membersihkan semak samun di kawasan stesen. Manakala, penyelenggaraan dalaman yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti kadar paras air tanah yang berada di dalam telaga tersebut. Kerja-kerja penyelenggaraan luaran dan dalaman yang telah dijalankan oleh pihak kontraktor adalah seperti di dalam **Gambarfoto 4.2** hingga **Gambarfoto 4.6**.



**Gambarfoto 4.2:** Aktiviti Penyelenggaraan Luar Stesen Air Bawah Tanah Tapak Nurseri, DBKL Sebelum dan Selepas



**Gambarfoto 4.3:** Aktiviti Penyelenggaraan Luar Stesen Air Bawah Tanah Wetland, Putrajaya Sebelum dan Selepas



**Gambarfoto 4.4:** Aktiviti Penyelenggaraan Luaran Stesen Air Bawah Tanah Lebuhraya Sg. Besi (MEX) Sebelum dan Selepas



**Gambarfoto 4.5:** Aktiviti Penyelenggaraan Luaran Stesen Air Bawah Tanah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin Sebelum dan Selepas



**Gambarfoto 4.6:** Aktiviti Penyelenggaraan Dalam Stesen Air Bawah Tanah di Royal Selangor Golf Club, Kuala Lumpur



Lokasi stesen-stesen air bawah tanah adalah seperti di dalam **Jadual 4.1**. Manakala **Jadual 4.2** menunjukkan jadual persampelan kualiti air bawah tanah yang dilaksanakan oleh JAS WPKL bagi tahun 2024.

**Jadual 4.1:** Lokasi Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tahun 2024

BIL.	LOKASI	JENIS GUNA TANAH	ID STESEN	KOORDINAT
1	Taman Beringin Kepong	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-4-7.26	E 101.658580 N 3.232221
2	Taman Beringin Kepong	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-5-6.10	E 101.656352 N 3.227653
3	Jalan Sungai Besi	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-1-5.50	E 101.708023 N 3.105517
4	Jalan Sungai Besi	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-2-5.54	E 101.710106 N 3.107476
5	Jalan Sungai Besi	Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal	MW(7)-W310115-2-5.57	E 101.710901 N 3.108516
6	Royal Selangor Golf Resort	Padang Golf	MW(7)-W310115-6-5.37	E 101.724000 N 3.148000
7	Taman Wetland Putrajaya	Bandar/Separa Bandar	MW(7)-W210103-1-10.0	E 101.713632 N 2.962034

**Jadual 4.2:** Jadual Persampelan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tahun 2024

BIL.	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN
1.	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-1-5.50	29.7.2024 19.11.2024
2.	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-2-5.54	13.2.2024 12.6.2024 29.7.2024 19.11.2024
3.	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-3-5.57	13.2.2024 12.6.2024 29.7.2024 19.11.2024
4.	Taman Beringin Kepong (Nursery DBKL)	MW(7)-W310115-4-7.26	5.2.2024 27.5.2024 23.7.2024 11.11.2024
5.	Taman Beringin Kepong (Transfer Station)	MW(7)-W310115-5-6.10	5.2.2024 27.5.2024 23.7.2024 11.11.2024
6.	Taman Wetland Putrajaya	WW(7)-W310115-7-10.00	19.2.2024 11.6.2024 16.7.2024 4.11.2024
7.	Royal Selangor Golf Club	MW(7)-W310115-6-5.37	Persampelan tidak dapat dijalankan kerana paras air bawah tanah yang rendah



Tiada persampelan dibuat untuk sukuan pertama dan sukuan kedua bagi stesen Jalan Sungai Besi - MW(7)-W310115-1-5.50 berikutan faktor keselamatan dan tiada laluan jalan masuk ke stesen berkenaan berikutan pemasangan penghadang jalan oleh pihak MEX. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dapat diselesaikan melalui rundingan kerjasama antara pihak MEX dan JAS WPKL di mana JAS WPKL telah mendapat kebenaran menggunakan akses laluan yang dikhaskan untuk kerja-kerja persampelan stesen pengawasan air tanah.

## PENGAWASAN KUALITI UDARA

Syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. sejak 14 April 2017 bertanggungjawab membangunkan Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme-EQMP) dan melaksanakan pemantauan status kualiti udara secara atas talian (online).

